



KENYATAAN MEDIA

KOMITMEN TEGAS DAN KERJASAMA STRATEGIK KERAJAAN MALAYSIA ATASI PENYELUDUPAN HIDUPAN LIAR

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memandang serius isu penyeludupan hidupan liar yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Jenayah penyeludupan hidupan liar bukan sahaja menjejaskan populasi spesies terancam, malah menimbulkan risiko kepada keselamatan negara dan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Dalam hal ini, NRES melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) komited dalam usaha memperkasa tindakan penguatkuasaan di seluruh negara. Bagi tempoh dari tahun 2023 hingga April 2025, sebanyak 10 kertas siasatan telah dibuka berkaitan penyeludupan hidupan liar di lapangan terbang KLIA membabitkan spesies eksotik atau tempatan seperti kura-kura, ular, burung dan primat.

Bagi memperkukuh usaha ini, NRES menggiatkan kerjasama strategik di bawah Malaysia Wildlife Enforcement Network (MY-WEN) dan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS). Pendekatan bersepadu ini membolehkan operasi pencegahan, siasatan, dan pendakwaan dijalankan dengan lebih berkesan.

Pada 18 April 2024, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah mempengerusikan mesyuarat penyelarasan bersama agensi penguatkuasaan berkaitan berkenaan isu penyeludupan hidupan liar.

Hasil mesyuarat tersebut, jabatan dan agensi yang terlibat akan terus meningkatkan keberkesanan aktiviti kawalan dan operasi penguatkuasaan khususnya di lapangan terbang antarabangsa serta satu Nota Jemaah Menteri akan disediakan oleh NRES berhubung isu ini. Selain itu, kerjasama di peringkat antarabangsa turut diperkukuhkan untuk memerangi perdagangan haram hidupan liar rentas sempadan yang didalangi sindiket jenayah terancang.

NRES ingin mengingatkan bahawa mana-mana individu atau sindiket yang didapati terlibat dalam penyeludupan hidupan liar akan berdepan tindakan tegas di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), termasuk denda sehingga RM1 juta atau hukuman penjara maksimum 15 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sebagai sebuah negara megabiodiversiti, Malaysia kekal komited untuk melindungi khazanah alam semula jadi demi keseimbangan ekosistem dan kesejahteraan generasi masa depan. NRES menyeru masyarakat untuk bertindak sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan hidupan liar melalui *Hotline* Jabatan PERHILITAN di talian 1-800-88-5151 atau e-aduan di laman web www.wildlife.gov.my.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
30 APRIL 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

